

30/10/2003

Wanita pertama cuba jelajah Antartika

KUALA LUMPUR: Pensyarah psikologi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, berazam mencipta sejarah dunia untuk muncul sebagai wanita pertama menjelajah benua Antartika dalam masa 120 hari.

Anak kelahiran Johor Bahru berusia 38 tahun itu akan disertai dua rakannya, Dr M Kamaruddin M Isa, 43, seorang pegawai perubatan serta pegawai Majlis Sukan Negara (MSN), Suhardi Alias, 36, dalam percubaan mereka merentasi benua itu menerusi projek 'Ekspedisi Jelajah Antartika'.

Sharifah Mazlina yang bangga dengan pemilihannya menyertai kumpulan ekspedisi yang pertama di negara ini berharap membuktikan kemampuan wanita dalam menghadapi cabaran lasak seumpama itu.

"Jika berjaya saya harap dapat buktikan wanita juga mampu mengharungi cabaran seumpama ini serta mempunyai kekuatan mental setanding lelaki," katanya yang turut mendapat galakan dan sokongan suami serta ahli keluarga.

Beliau dan kumpulan ekspedisi itu ditemui pemberita selepas mengunjungi

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, di kementerian itu, di sini, semalam.

Sharifah Mazlina berkata, penjelajahan itu juga akan menguji keupayaan serta ketahanannya sebagai seorang pakar motivasi di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM.

Ekspedisi yang dinaungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan dilakukan secara wind sailing, ski serta berjalan kaki membabitkan perjalanan sejauh 3,800 kilometer di kawasan tidak berpenghuni itu.

Projek itu dipengerusikan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Selain bertujuan menunjukkan penghargaan kepada , Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad, ia juga sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri yang ingin melihat rakyat Malaysia menjelajah benua sejuk bersuhu sehingga -40 darjah Celsius.

Kumpulan itu akan turut menjalankan kajian ilmiah mengenai kawasan persekitaran sepanjang ekspedisi itu dengan menjadikan diri masing-masing sebagai bahan eksperimen.

"Saya akan mengkaji kesan perbandingan psikologi, emosi dan ketahanan manusia dalam cuaca sejuk dengan membuat perbandingan antara lelaki dan wanita.

"Suhardi yang juga pakar pemakanan pula akan melihat perbandingan kadar metabolisma badan dalam cuaca sejuk yang melampau, manakala Dr Kamaruddin

yang mengetuai kumpulan ini akan mengawasi aspek teknikal," katanya.

Kumpulan itu akan berlepas ke Norway 4 November ini bagi menyertai latihan terakhir mereka sebelum melakukan penjelajahan ke benua itu mulai

15 November ini.